

# Ilmu hitam sebagai jalan pintas

Hukumnya haram, tidak dapat dibuktikan  
sihir, jampi atau mantera benar-benar berkesan

**Oleh Jami'ah Shukri**

*jamia@bharian.com.my*

---

**L**MU hitam seperti sihir, saka, pukau, mantera, jampi dan sebagainya sudah jelas hukumnya haram dan dilaknati Allah kepada sesiapa saja yang mengamalkan atas apa saja tujuan, sama ada untuk melindungi diri, perubatan, kesaktian, ubat pengasih dan penunduk bagi diri sendiri atau 'ditujukan' kepada seseorang.

Faktor gender bukan penghalang amalan itu. Tidak kira lelaki atau wanita, mereka dilihat bebas mengamalkan atas pelbagai tujuan. Amalan itu sebenarnya sudah wujud tidak saja dalam Alam Melayu, malah, sejak sebelum zaman ketamadunan Islam lagi.

Ada isteri atau perempuan belum berkahwin mengamalkannya atas matlamat tertentu seperti ingin menundukkan suami atau lelaki, menambahkan kerukunan atau memporak perandakan rumah tangga. Malah dalam al-Quran (Surah Al-Baqarah, ayat 102), disebut dua malaikat Harut dan Marut yang diturunkan menentang tukang sihir yang lumrah pada zaman itu.

Antara sihir yang diajar oleh Harut dan Marut kepada manusia adalah untuk memisahkan antara suami dengan isteri. Tujuan kedua-dua malaikat ini, untuk menunjukkan betapa sihir itu menuju ke jalan kekufuran. Sihir memisahkan suami dan isteri diturunkan di Babil sebagai mana ditemui beberapa mantera lama yang tertulis dalam bahasa Sumari, iaitu bahasa kuno yang wujud beberapa abad sebelum Masihi.

Apa yang nyata pengaruh penggunaan salah satu ilmu hitam iaitu sihir juga turut ditulis oleh Ibnu Khaldun dalam bukunya bertajuk Muqaddimah yang menjelaskan ia adalah ilmu persediaan jiwa manusia untuk mempengaruhi alam kebendaan sama ada tanpa bantuan atau dengan bantuan dari langit.

Apa juga alasannya peralihan dari zaman kuno hingga ke era moden tanpa sempadan ini, tidak banyak mengubah amalan berkenaan. Ia terus subur dan kekal walaupun mungkin tidak begitu meluas amalannya seperti dulu.

Dengan adanya penawaran khidmat bomoh, dukun dan pawang serta permintaan daripada masyarakat tidak mengira



Laporan dalam akhbar mengenai kes penipuan bomoh seakan tidak memberi sebarang kesan serta pengajaran kepada masyarakat yang 'terdesak'. Oleh itu, jabatan agama juga giat memburu bomoh yang mengambil kesempatan ke atas kedaifan orang yang ingin mendapatkan khidmat mereka.

Sebagai contoh, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), tahun lalu, giat memburu 20 bomoh yang dikesan menawarkan pelbagai khidmat seperti

menilik nombor ekor, menjual tangkal pelaris perniagaan dan ubat pengasih untuk memikat wanita atau lelaki.

Ketua Jabatan Falsafah dan Kajian Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Zaid Ahmad, ketika diminta mengulas mengenai isu berkenaan, berkata kepercayaan kepada ilmu hitam sudah wujud sejak lebih 700 tahun lalu selepas kedatangan Islam, namun ia masih diwarisi

hingga sekarang meskipun manusia sudah memasuki arus permodenan.

Katanya, faktor utama masyarakat gagal mengikis kepercayaan itu adalah disebabkan ada manusia yang bermasalah, berasa tidak selamat, diancam atau terancam, cemburu, ingin disayangi dan hidup tertekan sehingga mendorong mereka mengambil jalan singkat untuk mencari penyelesaiannya.

"Keadaan hidup pada zaman ini yang sentiasa tertekan dalam pelbagai aspek juga menyebabkan ada yang pilih kaedah ini untuk memuaskan matlamatnya. Tambahan capaian yang mudah di internet dan pengaruh media menjadikan sebahagian mereka tidak fikir panjang untuk mencuba," katanya.

Sihir umpamanya, diamalkan seseorang untuk tujuan baik atau jahat. Tekanan dalam rumah tangga adalah contoh yang kerap kita dengar, ada wanita yang sanggup melabur duit atau meredah kawasan pedalaman untuk mendapatkan khidmat bomoh. Ada juga isteri yang sanggup buat nasi tangas supaya suami mendengar katanya atau tidak lagi bersikap curang.

"Kita juga tidak pasti sama ada ilmu hitam diamalkan itu berhasil atau sebaliknya. Ada yang mungkin menjadi sehingga matlamat untuk menundukkan suami berjaya. Tidak kurang juga yang menjadi fanatik untuk mencari berjumpa bomoh terhandal, asalkan tujuannya tercapai.

"Bagi mereka yang sakit hati, dendam atau cemburu kepada seseorang lebih suka guna khidmat bomoh kerana dipercayai lebih selamat, sukar dikesan dan sekiranya diragui, tak ada undang-undang yang

**“Keadaan hidup pada zaman ini yang sentiasa tertekan dalam pelbagai aspek juga menyebabkan ada yang pilih kaedah ini untuk memuaskan matlamatnya”**

**Prof Madya Dr Zaid Ahmad**

Ketua Jabatan Falsafah dan Kajian Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, UPM

kaum menjadikan amalan itu tidak mampu dihapuskan. Tidak mustahil mengapa masih ramai wanita dan lelaki sanggup mencari bomoh atau dukun untuk mendapatkan khidmatnya bagi memenuhi matlamat tertentu.

Malah cerita mistik berkaitan amalan berkenaan juga sering dipaparkan di dalam drama dan filem. Disebabkan terlalu taksud terhadap bomoh itu, ada juga wanita yang mahu kelihatan muda, jelita serta menikmati kekayaan antara yang sering mendapatkan khidmat bomoh walaupun perkhidmatan yang diberikan langsung tidak berkesan, malah ramai yang ditipu dan diperkosa.



**ADA isteri yang sanggup buat nasi tangas supaya suami mendengar katanya atau tidak lagi bersikap curang.**

GAMBAR HIASAN

■ **AMALAN** kepercayaan masyarakat Melayu banyak dipengaruhi oleh kepercayaan dalam amalan nenek moyang atau kepercayaan Hyang, Hindu, dan Buddha seperti percaya kepada mantera atau jampi, sihir, bomoh atau dukun, sumpah, daulat Raja, dan pelbagai jenis hantu yang berhubung kait dengan konsep syaitan dalam Islam.

■ **SIHIR:**

Perbuatan menyakiti atau mempengaruhi badan, hati atau akal orang yang disihir secara tersembunyi (ghaib) yang membabitkan makhluk halus dan dilakukan di luar hukum alam bagi mencapai tujuan tertentu.

boleh disabitkan atas kesalahan itu berbanding jika terus bunuh suspek berkenaan.

"Amalan berjumpa bomoh atau dukun budaya diamalkan semua masyarakat di seluruh dunia, cuma kaedahnya berlainan. Mereka menggunakan jalan pintas untuk mendapat keputusan yang segera. Jadi mereka sanggup membelakangkan hukum Tuhan," katanya.

Dr Zaid berkata, sebenarnya tidak dapat dibuktikan secara sah, sihir, jampi atau mantera itu benar-benar mampu memberi kesan terbaik dan selamanya kepada mereka yang mengamalkannya.

Jika diimbau zaman dulu, beliau berkata, institusi bomoh atau tabib dianggap satu kerjaya yang lazim kerana tidak mempunyai pusat perubatan moden seperti hospital bagi mengubati sebarang penyakit.

Jelasnya, orang ramai akan berjumpa bomoh ini untuk mendapatkan khidmat perubatan atas pelbagai penyakit membabitkan masalah kesihatan atau gangguan syaitan.

"Sebelum penjajahan, klinik atau hospital tak ada. Institut perbidanan juga dianggap satu keperluan untuk wanita yang ingin bersalin. Justeru, bomoh dan bidan menjadi sebahagian hidup mereka, selain berubat, sesetengah pengamal perubatan tradisional juga mempunyai kemahiran dalam ilmu mistik.

"Selepas wujudnya hospital dan klinik yang semakin banyak. Institut perbomohan dan perbidanan ini semakin kurang permintaannya. Bidan ketika itu diberikan kursus dan kemahiran mengenai ilmu perubatan moden supaya mereka juga diterima sebagai sebahagian dalam kaedah perubatan moden," katanya.

Mengulas lanjut, dengan pelbagai tekanan dalam kehidupan dalam pelbagai aspek termasuk persekitaran, ekonomi serta perpecahan rumah tangga yang semakin meningkat menjadikan amalan ilmu hitam itu tidak akan pupus." katanya

